

23/05/1999

Pekerja, majikan ikrar sokong PM

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Pekerja dan majikan di seluruh negara berikrar akan terus menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terutama dalam usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata kata sepakat itu dicapai ketika kedua-dua pihak mengadakan mesyuarat Majlis Penasihat kebangsaan yang dipengerusikannya, baru-baru ini.

"Sesungguhnya, majlis sambutan Hari Pekerja ini diadakan khas untuk membolehkan pekerja dan majikan menunjuk serta membuktikan sokongan mereka yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri.

"Inilah pengakuan dan komitmen mereka kepada Datuk Seri dan kepada negara yang tercinta," katanya ketika berucap pada majlis Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1999 di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini, semalam.

Lebih 10,000 pekerja dan majikan hadir di majlis berkenaan yang dirasmikan Dr Mahathir. Hari Pekerja disambut pada 1 Mei lalu.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Affifuddin Omar, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak dan Presiden Cuepacs, N Siva Subramanian.

Cuepacs dan MTUC turut menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir dan berikrar untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Kedua-dua pertubuhan itu dengan jumlah anggota melebihi 1.5 juta juga menyokong langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi pemulihan ekonomi negara.

Kedua-dua pertubuhan itu bersetuju dengan saranan Dr Mahathir kepada pekerja untuk menjalin kerjasama rapat dengan majikan dan kerajaan.

Cuepacs dan MTUC menyampaikan ikrar itu beberapa jam selepas Dr Mahathir berucap pada perhimpunan berkenaan yang diadakan di Stadium Putra di Bukit Jalil, di sini sempena sambutan Hari Pekerja 1999.

Mewakili Cuepacs, Siva berkata mesej Dr Mahathir kepada pekerja pada perhimpunan itu adalah 'lantang dan jelas' sementara Zainal sebagai Presiden MTUC, pula menyifatkan ucapan Perdana Menteri sebagai memberangsangkan.

(END)